

**Jangan Biar Golongan Tertentu Rosak Negara - Muhyiddin
Bernama
30 June, 2013**

KOTA KINABALU, 30 Jun (Bernama) -- Rakyat tidak harus membiarkan golongan tertentu di negara ini mengambil kesempatan daripada kebebasan berhimpun untuk mewujudkan konflik antara masyarakat dan memecahbelahkan perpaduan, kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau berkata tindakan seperti mengadakan perhimpunan haram dan protes jalanan boleh menggugat kestabilan negara serta merugikan rakyat dan negara.

Rakyat harus memanfaatkan semua kekuatan kepelbagaian etnik dan warisan budaya yang unik di negara ini untuk membina perpaduan, katanya.

"Kemakmuran negara dan keharmonian rakyat akan terus wujud sekiranya kerjasama di antara pelbagai kaum sentiasa dipupuk," katanya ketika merasmikan Majlis Rumah Terbuka Malaysia Tadau Kaamatan di sini hari Ahad.

Muhyiddin berkata rakyat harus bersama menjaga dan mempertahankan perpaduan demi melestarikan kehidupan dan kejayaan masa kini untuk kesejahteraan dan kemakmuran di masa akan datang.

Menurutnya, dengan semangat perpaduan tersebut, Malaysia berjaya menjadi sebuah negara yang dapat berkembang dan membangun dengan pesat sama ada dari segi politik, ekonomi, sosial dan budaya.

"Kita seharusnya mempelajari daripada apa yang kita capai pada masa lalu untuk kita membentuk landasan yang akan kita lalui pada masa akan datang.

"Walau apapun bentuk landasan yang akan kita bangunkan nanti, apa yang pasti perpaduan rakyat Malaysia tetap merupakan tonggak kukuh yang akan membina negara ke arah yang lebih progresif di masa akan datang," jelasnya.

Mengenai Tadau Kaamatan atau pesta menuai di Sabah, Muhyiddin berkata perayaan tersebut penuh dengan adat tradisi yang perlu diteruskan untuk generasi akan datang, di samping mampu mempelbagaikan unsur kebudayaan Malaysia yang boleh dikongsi bersama ke arah integrasi nasional.

"Perayaan seperti Tadau Kaamatan yang disambut setiap tahun bukanlah untuk bergembira semata-mata, tetapi untuk melahirkan rasa kesyukuran atas segala nikmat dan rahmat yang diperolehi," katanya.

Muhyiddin berkata amalan menguatkan perpaduan di kalangan masyarakat pelbagai kaum dan kepercayaan mampu mengangkat martabat negara sebagai sebuah destinasi pelancongan dalam persekitaran yang berdaya maju, interaktif dan dinamik.

"Tambahan pula dengan penganjuran Tahun Melawat Malaysia pada tahun depan, strategi ini amat penting bagi memastikan matlamat kita tercapai," katanya.

Pada majlis itu, yang turut dihadiri isterinya Puan Seri Noorainee Abdul Rahman, Muhyiddin

turut menyaksikan pertandingan sukan tradisional 'mipulos' atau gusti tangan dan melawat rumah-rumah tradisi.

Turut hadir ialah Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Aman, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Datuk Seri Mohamed Nazri Abd Aziz dan Timbalan Ketua Menteri Sabah Tan Sri Joseph Pairin Kitingan, yang juga ketua masyarakat Kadazandusun.

Majlis itu diserikan dengan pelbagai persembahan tarian tradisi dan nyanyian artis popular, antaranya Jamal Abdillah dan Jimmy Palikat, dan turut dihiburkan oleh pemenang Pertandingan Mimpi Ke Bintang 2013, WanRull Puppet.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=959894>